

## Oh, Cef Cilik!

(Tadika 2 Buku Besar 10 'Magnet')

---

### Gambaran Keseluruhan:

Mengenalkan tempat-tempat di sekeliling dunia kepada kanak-kanak dengan menggunakan kraf.

### Matlamat Pembelajaran:

1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi

### Objektif Pengajaran:

Kanak-kanak akan berpeluang untuk:

1. mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti 'Oh, Cef Cilik!'
2. memahami arahan guru semasa melakukan aktiviti 'Oh, Cef Cilik!' tentang bahan-bahan kraf

### **#1 Memilih aktiviti kraf yang sesuai dan menyiapkan bahan-bahan**

- Guru memastikan aktiviti kraf yang dipilih berkaitan dengan tema.
- Guru menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti kraf.




*Guru harus menyediakan pinggan kertas, sudu plastik, garpu plastik, doh dan tali untuk digunakan dalam aktiviti ini.*

## **#2 Menunjukkan sampel kraf yang ingin dihasilkan dan menyebut perkataan-perkataan baharu**

- Guru menunjukkan dan menyebutkan kepada kanak-kanak bahan-bahan yang akan digunakan untuk membuat hidangan spageti bebola daging.
- Guru mengajak kanak-kanak untuk menyebut bahan-bahan yang ditunjukkan oleh guru.

## **#3 Memberikan bahan-bahan yang telah disiapkan**

- Guru memberikan setiap kanak-kanak pinggan kertas, sudu & garpu plastik, doh dan tali.
- Guru mengajak kanak-kanak untuk menguli doh menjadi bentuk bulat.
- Guru meminta kanak-kanak untuk meletakkan 2 bebola daging di atas spageti.




*Kanak-kanak menguli doh menjadi bentuk bulat.*

## **#4 Menggalakkan kanak-kanak untuk berkongsi kraf yang telah dihasilkan**

- Guru mengajak kanak-kanak untuk menceritakan tentang cara membuat spageti yang baru disediakan.
- Guru menggunakan teknik penyoalan dialogik untuk merangsang perbualan kanak-kanak.

- Guru meminta kanak-kanak untuk menyebut bahan-bahan yang digunakan untuk memasak spageti dalam aktiviti ini.



Kanak-kanak berkongsi kraf yang telah dihasilkan.

\*Guru bolehlah menukar hidangan ‘Spageti Bebola Daging’ kepada hidangan tempatan. (Contoh: mi rebus atau mi goreng)

